

ERAT HUBUNGAN PELBAGAI KAUM : Sambutan Tahun Baharu Cina SKK St Anne



Labuan, 08 Feb 2020 – SKK St Anne telah menganjurkan Majlis Sambutan Tahun Baru Cina melibatkan seluruh warga sekolah.

Objektif penganjuran Tahun Baru Cina 2020 ini adalah untuk Mengeratkan hubungan khususnya dalam kalangan murid guru yang berbeza kaum dan agama.

Guru Besar SKK St Anne, Puan Chua Lai Eng @ Cecilia berharap sambutan ini mewujudkan perpaduan dan keakraban sesama murid yang berlainan bangsa serta menambahkan lagi pengetahuan murid-murid tentang adat resam masyarakat berbilang bangsa.

Tetamu kehormat yang hadir untuk memeriahkan lagi majlis ini ialah Pengarah Jabatan Bomba W.P Labuan, Encik Jainal @ Zainal Bin Madasin, Bapa Korporat SKK St Anne, Dato' Shamsul bin Sha'ari dan Fr Thomas Madanan *parish priest, Blessed Sacrament Church*. Ibu bapa turut

sama hadir bagi memeriahkan majlis.



Antara aktiviti yang telah dijalankan semasa sambutan tersebut adalah seperti Tarian Singa, Pertandingan Pakaian Tradisi Tahun Baru Cina Tercantik, Makan Yee Sang, dan Jamuan guru dan murid.

Murid-murid yang kurang bernasib baik juga telah diraikan bersama-sama. Sumbangan berupa keperluan harian telah disampaikan kepada mereka.

Kemuncak bagi sambutan tahun baru cina SKK SK St Anne ialah penyampaian ‘Ang Pow’ kepada semua murid.

Puan Chua Lai Eng @ Cecilia mengucapkan ribuan terima kasih tidak terhingga kepada Penderma-penderma yang telah memberi sumbangan untuk Majlis Sambutan Tahun Baru Cina Ini.

Berita Oleh : SK St Anne



Pertandingan Pakaian Tradisi Tahun Baru Cina